

Setiap Amalan Bergantung Kepada Niat

عَنْ أَمِيرِ الْمُؤْمِنِينَ أَبِي حَفْصٍ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى، فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ، وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ

Maksudnya: Daripada Amir al-Mukminin Abu Hafsa Umar bin al-Khattab Radhiyallahu 'anhu berkata: Aku telah mendengar Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Sesungguhnya setiap amalan berdasarkan niatnya dan sesungguhnya setiap orang mengikut apa yang dia niatkan. Maka sesiapa yang hijrahnya kepada Allah Subhanahu wata'ala dan Rasul-Nya maka hijrahnya kepada Allah Subhanahu wata'ala dan Rasul-Nya, dan siapa yang hijrahnya kerana dunia untuk dia dapatinya atau perempuan untuk dikahwininya, maka hijrahnya mengikut apa yang dia hijrah kepadanya.

(Hadis Riwayat al-Bukhari & Muslim)

Penjelasan Hadis:

Imam at-Tabarani meriwayatkan di dalam Mu'jam al-Kabir dengan sanad perawi yang thiqah daripada Ibn Mas'ud Radhiyallah 'anhu berkata: *"Seorang lelaki bersama kami merisik wanita yang dikenali sebagai Ummu Qais. Namun, wanita tersebut menolak untuk menerima pinangan tersebut sehingga melainkan lelaki itu berhijrah. Oleh kerana itu, kami menamakan lelaki tersebut sebagai Muhajir Ummu Qais"*. Berkata Ibn Daqiq maksud amalan di sini ialah amalan syar'iyyah seperti solat, puasa, haji dan sebagainya. Maka setiap amalan syar'iyyah ini dianggap sah dengan adanya niat. Adapun menghilangkan najis, ia tidak memerlukan kepada niat kerana termasuk dalam bab **"at-Tarku"** iaitu meninggalkan. Setiap perkara **"at-Tarku"** tidak memerlukan kepada niat.

Adapun maksud lafaz **"sesungguhnya setiap orang apa mengikut yang dia niatkan"**, Imam al-Khattabi mengatakan ia membawa kepada makna penentuan niat iaitu **ta'yiin** (menentukan) pada setiap amalan hendaklah disertakan dalam niat. Begitu juga Imam an-Nawawi menyebut bahawa menentukan apa yang diniatkan itu merupakan syarat sah. Seandainya seseorang ingin mendirikan solat, maka tidak memadai hanya berniat **"sahaja aku solat"** tanpa **ta'yiin** (menentukan) jenis solat seperti zohor, asar dan sebagainya.

Pelajaran yang perlu diambil dalam hadis ini ialah:

Mensyaratkan Niat Dalam Amalan

Ulama bersepakat bahawa segala amalan ibadah yang dilaksanakan oleh setiap mukallaf yang beriman adalah sah mengikut syarak dengan adanya niat. Maka ibadah–ibadah ini tidak menjadi sah perlaksanaannya tanpa penyertaan dengan niat sebagaimana disebut oleh al-Imam al-Baidhowi, *“segala amalan tidak sah tanpa penyertaan niat”*

Waktu dan Tempat Niat

Waktu niat disertakan di awal ibadah seperti takbiratul ihram dalam solat, dan ihram ketika haji. Adapun puasa memadai niat sebelum perlaksanaannya disebabkan kesukaran dalam menyertakan niat bersama terbitnya fajar sadiq. Tempat niat terletak di hati dan tidak disyaratkan untuk melafazkannya kerana hukumnya adalah sunat. Tujuan sunat melafazkan niat adalah untuk membantu hati menghadirkan niat tersebut. Oleh kerana itu, maka disyaratkan penentuan apa yang diniatkan dan membezakan niat yang ditentukan dengan niat yang lain. Maka tidaklah mencukupi hanya berniat **“Sahaja Aku Solat”** tanpa menentukan jenis solat seperti **“Sahaja Aku Solat Fardhu Zohor”**. Di sini dapat kita melihat rukun niat bagi solat fardhu tiga iaitu:

- a. Qasad, iaitu menyengajakan niat melaksanakan solat seperti : Sahaja Aku Solat
- b. Ta'arrud, iaitu menyertakan fardhu solat seperti: Sahaja Aku Solat Fardhu
- c. Ta'yiin, iaitu menyertakan jenis solat seperti: Sahaja Aku Solat Fardhu Asar

Maka jika tiga rukun ini tidak diniatkan dalam pelaksanaan solat fardhu akan menyebabkan solat kita menjadi tidak sah. Berbeza dengan rukun niat solat sunat yang mempunyai **waktu** atau **sebab** hanya disyaratkan untuk menyertakan dalam niatnya qasad dan ta'yiin sahaja manakala solat sunat **mutlak** hanya qasad sahaja.

Kewajipan Hijrah

Penghijrahan dari negara bukan Islam ke negara Islam adalah wajib ke atas setiap Muslim sekiranya mereka tidak mampu untuk menegakkan atau mendirikan pensyariaan agama Islam di negara tersebut. Terdapat sebuah hadis yang bermaksud:

“Tiada hijrah selepas pembukaan Kota Makkah”

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 3077)

Tidak ada penghijrahan umat Islam dari Kota Makkah iaitu selepas pembukaannya/taklukannya oleh orang Islam (selepas memperoleh kemerdekaannya dan sudah menjadi negara Islam). Hijrah juga membawa maksud kepada berhijrah dari apa yang dilarang oleh Allah Subhanahu wata'ala. Sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam:

الْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ مَا نَهَى اللَّهُ عَنْهُ

Bermaksud: “Muhajir (orang yang berhijrah) itu ialah orang yang berhijrah daripada melakukan apa yang telah Allah larang.”

(Hadis Riwayat al- Bukhari, no. 10)

Faedah Hadis

Hadis ini memberi faedah jika seseorang berniat untuk melakukan amal soleh tetapi terhalang daripada melaksanakannya atas sebab keuzuran seperti sakit atau meninggal dunia dan sebagainya, maka dia telah memperoleh pahala. Dengan kata lain, niat tanpa amal tetap mendapat pahala manakala amal tanpa niat tidak mendapat pahala (seperti hamburan debu). Sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam:

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْحَسَنَاتِ وَالسَّيِّئَاتِ ثُمَّ بَيَّنَ ذَلِكَ، فَمَنْ هَمَّ بِحَسَنَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا كَتَبَهَا اللَّهُ لَهُ عِنْدَهُ حَسَنَةٌ كَامِلَةٌ، فَإِنْ هُوَ هَمَّ بِهَا فَعَمِلَهَا كَتَبَهَا اللَّهُ لَهُ عِنْدَهُ عَشْرَ حَسَنَاتٍ إِلَى سَبْعِ مِائَةٍ ضِعْفٍ إِلَى أَضْعَافٍ كَثِيرَةٍ، وَمَنْ هَمَّ بِسَيِّئَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا كَتَبَهَا اللَّهُ لَهُ عِنْدَهُ حَسَنَةٌ كَامِلَةٌ، فَإِنْ هُوَ هَمَّ بِهَا فَعَمِلَهَا كَتَبَهَا اللَّهُ لَهُ سَيِّئَةً وَاحِدَةً

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah telah menetapkan nilai kebaikan dan kejahatan, kemudian dikerjakannya, Allah mencatatnya sebagai satu kebaikan yang sempurna. Jika dia berniat untuk berbuat kebaikan lalu dia mengerjakannya, Allah mencatatnya sebagai 10 sampai 700 kali kebaikan atau lebih banyak lagi. Jika dia berniat melakukan kejahatan, tetapi dia tidak mengerjakannya, Allah mencatatkan padanya satu kebaikan yang sempurna. Jika dia berniat melakukan kejahatan lalu dikerjakannya, Allah mencatatnya sebagai satu kejahatan.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 6491)

Ikhlas

Hadis ini juga mengajar kepada kita agar sentiasa ikhlas dalam beramal soleh dan beribadah sehingga memperolehi ganjaran pahala di akhirat dengan taufiq dan kejayaan di dunia. Setiap amalan yang bermanfaat dan baik yang terhasil dari niat, keikhlasan dan mengharap redha Allah Subhanahu wata'ala adalah ibadah.

Wallahu 'alam.

